



Untuk Terbitan Media

15 Mei 2024

SIARAN MEDIA

MAJIKAN DIBERI TEMPOH 30 HARI DAFTAR PERKESO SECARA SUKARELA UNTUK PEKERJA SEMPENA BULAN PEMUTIHAN ALERT: OPS KESAN PERKESO DILAKSANA MULAI JUN

KUALA LUMPUR: Majikan diberi tempoh 30 hari, berakhir 31 Mei ini untuk mendaftar dan mencarum pekerja mereka secara sukarela dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata tempoh yang diperuntukkan sempena Bulan Pemutihan kali ke-15 ini adalah peluang akhir kepada majikan untuk berbuat demikian dengan **pengecualian daripada kompaun, pendakwaan dan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB)**.

“Majikan boleh mendaftar menerusi dalam talian melalui Portal ASSIST atau hadir ke mana-mana 54 pejabat PERKESO di seluruh negara, ataupun hubungi *Carelne* PERKESO di 1-300-22-8000.

“Sekiranya majikan masih **GAGAL** berbuat demikian dalam tempoh pemutihan, PERKESO tidak akan berkompromi dengan ketidakpatuhan majikan dan tiada lagi pengecualian dan tindakan penguatkuasaan akan dipertimbangkan kepada majikan terbabit menerusi **OPS KESAN 2024** yang akan dilaksanakan pada bulan **Jun** ini,” jelasnya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Dr. Mohammed Azman menjelaskan, **OPS KESAN** Ke-15 dijalankan demi memastikan semua majikan yang menggajikan sekurang-kurangnya seorang pekerja (tanpa mengira

jumlah gaji) mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka sebagaimana peruntukan Seksyen 4 dan 5 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), serta Seksyen 14 dan 16 Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

“Kegagalan majikan untuk mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan pengkompaunan dan pendakwaan, yang mana jumlah kompaun yang dikenakan boleh mencecah RM5,000.00 mengikut kesalahan yang dilakukan.

“Selain itu, majikan juga akan dikenakan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) pada kadar enam (6) peratus setahun di atas setiap hari caruman lewat dibayar, ekoran kegagalan mendaftar dan membayar caruman PERKESO.

“Majikan juga boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman denda sehingga RM10,000.00 atau penjara sehingga dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali,” ujarnya lagi.

Berdasarkan statistik OPS KESAN Ke-14 pada 2023, tahap ketidakpatuhan majikan mencarum di bawah Akta 4 dan Akta 800 selepas pelaksanaan Bulan Pemutihan adalah berkadar **21.73 peratus**, berbanding tahun sebelumnya iaitu **18.95 peratus**. Kebanyakan ketidakpatuhan ini membabitkan majikan berskala kecil dan baru memulakan perniagaan pasca pandemik.

Menurut Dr. Azman lagi, hasil dapatan PERKESO menunjukkan majikan dalam kategori pemilikan tunggal mencatat jumlah tertinggi bagi kesalahan lewat mendaftar dan mencarum selain kurangnya pengetahuan serta kesedaran mengenai kewajipan mencarum dalam kalangan majikan.

“Justeru, saban tahun apabila OPS Kesan dilaksanakan, kita lihat kadar ketidakpatuhan dalam kalangan majikan masih meruncing, sekali gus mengabaikan hak asasi pekerja untuk mendapat perlindungan keselamatan sosial.

“Berdasarkan perangkaan PERKESO sehingga 31 Mac 2024, hampir 1.55 juta majikan telah berdaftar dengan PERKESO di bawah Akta 4 namun jumlah yang aktif mencarum, iaitu sekurang-kurangnya satu caruman dalam tempoh 12 bulan adalah 600,819 majikan. Jumlah pekerja aktif pula (sekurang-kurangnya satu caruman dalam tempoh 12 bulan)

adalah seramai 9.70 juta orang,” jelasnya.

Bulan Pemutihan kali ini turut memberi tumpuan kepada penyaluran maklumat berkaitan pencegahan kemalangan di tempat kerja di samping aktiviti dalam mempergiatkan usaha menguar-uarkan kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada semua majikan terutama dari sektor kecil dan sederhana.

Ia bagi meningkatkan kesedaran golongan majikan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan khususnya dalam melaksanakan langkah-langkah pencegahan kemalangan kepada pekerja selaras ‘Vision Zero PERKESO’ dalam mencapai sifar kecederaan pekerjaan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*no one left behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

15 Mei 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my